




PROGRAM Sungai Untuk Kehidupan Anda (SUKA 1 dan 2) antara lain bertujuan mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga dan memulihara sungai. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON

80 peratus sampah dikurangkan melalui program SUKA 1 dan 2

Oleh NORMAIRAH JAMALUDDIN
kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 24 Ogos - Sebanyak 80 peratus sampah dikurangkan menerusi Program Sungai Untuk Kehidupan Anda (SUKA 1 dan 2) yang diadakan sejak Jun tahun lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mhd. Amin Nordin Abdul Aziz, berkata, kesan daripada program tersebut amat memberangsangkan dan orang ramai mula sedar akan kepentingan menjaga sungai.

"Program yang disertai oleh pelbagai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, persatuan penduduk dan masyarakat setempat itu berjaya memberi kesan positif tentang amalan menjaga kebersihan.

"Program SUKA 1 dan 2 yang diadakan bertujuan 'meremajakan'

dan mengindahkan Sungai Bunus itu telah disertai lebih 116 peserta," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan SUKA 3 dan 4 di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan, Datuk Mahadi Che Ngah dengan Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Ir. Mohd. Said Dikon.

Mohd. Said berkata, program SUKA 3 merupakan inisiatif di bawah Projek Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life - Program Jangkauan Awam (ROL-POP) yang bertujuan memberi kefahaman kepada orang ramai tentang aliran



MHD. AMIN NORDIN

Sungai Bunus yang dinaik taraf menjadi longkang dan parit.

"Turut diadakan Bunus River Walk melibatkan pelajar sekolah dan institusi bertujuan mendedahkan tentang kepentingan penjagaan dan pemuliharaan sungai.

"Manakala SUKA 4 adalah penubuhan pusat pendidikan Sungai Bunus bertempat di tingkat 2 pejabat pentadbiran Lembaga Pentadbir Penempatan Pertanian Melayu (MAS). Pusat pendidikan ini berperanan sebagai pusat rujukan dan pengumpulan bahan-bahan rujukan ilmiah berkenaan Sungai Bunus dan projek RoL-POP," ujarnya.